



AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA  
ZON MARITIM LABUAN  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI  
NO JKR 214P KM 1.5 JALAN PATAU-PATAU  
87000 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN



Telefon: 087-453777  
Faks: 087-452999  
Laman Web: [www.mmea.gov.my](http://www.mmea.gov.my)

Ruj. Kami : APMM.DM14.100-10/3/5 (1)

Tarikh: 09 September 2022

## KENYATAAN MEDIA

### **OP SEJAHTERA : MARITIM MALAYSIA RAMPAS 1,680 TIN MINUMAN KERAS PELBAGAI JENAMA**

LABUAN, 09 September - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Zon Maritim Labuan telah merampas minuman keras di perairan Menumbok, Sabah awal pagi tadi.

Pengarah Zon Maritim Labuan, Kepten Maritim Nudin bin Jusoh berkata, bot peronda Maritim Malaysia yang sedang dalam rondaan Op Sejahtera di perairan Labuan mendapati sebuah bot penumpang dalam keadaan yang mencurigakan yang bergerak dari Labuan menuju ke Menumbok.

Katanya ketika bot berkenaan ditahan dan diperiksa anggotanya menemukan sejumlah minuman keras yang disembunyikan di dalam bot dan dibawa keluar tanpa kebenaran Jabatan Kastam Labuan

Susulan itu, dua warga tempatan berumur 35 dan 37 tahun itu yang merupakan juragan dan kru bot itu ditahan untuk membantu siasatan.

Bot dan minuman tersebut dirampas dan dibawa ke jeti Maritim untuk siasatan lanjut.

Justeru itu, Kepten Maritim Nudin menyeru kepada orang awam yang mempunyai maklumat berkaitan kegiatan jenayah maritim boleh salurkan maklumat kepada Pusat Operasi Zon Maritim Labuan di talian 087-427999.

-TAMAT-

Sekiranya ada sebarang pertanyaan sila hubungi:

Lk (M) Mohamad Rafie Bin Rifin  
Pegawai Perhubungan Awam  
No. Tel : 018-9462463  
Email : [rafierifin@mmea.gov.my](mailto:rafierifin@mmea.gov.my)